

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 APRIL 2015

Najib ziarah keluarga Allahyarham Jamaludin

Um- 6/4/2015

KUALA LUMPUR 5 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menziarahi keluarga Allahyarham Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis di The Mines, Seri Kembangan, dekat sini.

Najib yang berbaju Melayu putih, tiba pada pukul 12.20 tengah hari bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, anak perempuan mereka, Nooryana Najwa dan menantu, Daniyar Kessikbayev.

Yang turut menziarahi anggota keluarga Ahli Parlimen Rompin itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Turut berangkat, Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom dan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Dalam pada itu, Menteri Pengang-

kutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mah Siew Keong dan Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes antara kenamaan yang turut menziarahi keluarga Allahyarham.

Jamaludin, 63, terkorban apabila helikopter AS365N2 Dauphin yang dinaikinya dalam perjalanan dari Kuantan, Pahang ke Subang, Selangor terhempas petang semalam.

Nahas itu turut mengorbankan Ketua Setiausaha Sulit Najib, Datuk Seri Azlin Alias; juruterbang, Kapten Clifford William Fournier; pembantu operasi, Aidana Baizieva, pengawal peribadi Jamaludin, Razkan Seran dan ahli perniagaan, Datuk Tan Huat Seang.